

14/05/2002

Kod Etika Ahli Umno lebih ketat akan dibentang

KOTA BHARU, Isnin - Lembaga Disiplin Umno akan membentangkan cadangan tambahan Kod Etika Ahli yang lebih ketat kepada pengurusan parti bagi membanteras gejala rasuah dan penyalahgunaan kuasa ketika pemilihan parti pada peringkat bahagian dan Majlis Tertinggi (MT) akan datang.

Pengerusinya, Tan Sri Tengku Ahmad Rithauddeen Tengku Ismail, berkata kod etika itu adalah cadangan bagi membaiki dan meminda kod etika sedia ada.

Beliau berkata, perkara itu penting kerana lembaga mendapati kod etika sedia ada masih mempunyai ruang dan longgar hingga memungkinkan ahli mengambil kesempatan melakukan penyelewengan.

Katanya, lembaga ada berbincang dengan jawatankuasa pengurusan yang dipengerusikan oleh Timbalan Presiden Umno, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, mengenai Kod Etika Ahli yang baru.

"Cadangan itu akan diserahkan dalam tempoh dua atau tiga bulan akan datang. Ia juga akan dibincangkan dengan Presiden parti, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Ia dibangkitkan selepas ahli lembaga ini mempunyai pengalaman menyiasat aduan yang diterima selepas pemilihan parti yang lalu," katanya dalam pertemuan dengan wartawan kumpulan The New Straits Times Press (M) Berhad di kediamannya di sini, semalam.

Tengku Ahmad Rithauddeen berkata, pihaknya tidak menghadapi masalah dengan mesyuarat cawangan dan bahagian tahun ini, tetapi bagi pemilihan akan datang, lembaga itu mungkin berhadapan dengan banyak aduan untuk diselesaikan.

Beliau berkata, bagi memudahkan kefahaman mengenai kesalahan melanggar kod etika, panduan yang lebih lengkap wajar diwujudkan supaya ahli di semua peringkat memahami pelaksanaannya.

Katanya, terpulang kepada Dr Mahathir dan MT membuat keputusan sama ada cadangan itu sesuai disusuli dengan pindaan terhadap etika sedia ada.

"Ini penting bagi memudahkan sesiapa saja dalam parti mengetahui apa yang boleh atau dilarang ketika terbabit dalam urusan parti khususnya apabila berlaku pemilihan.

"Ada sesetengah kes, ahli membuat aduan tanpa bukti dan ini menyulitkan ahli lembaga membuat penilaian dan keputusan hingga ada yang banyak dibebaskan tanpa dipanggil memberi keterangan.

"Ia juga bagi mengelak orang membuat aduan palsu dan mereka sama ada pembuat aduan atau tertuduh dikenakan tindakan setimpal atau dibebaskan dengan bukti," katanya.

(END)